

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN

MESYUARAT KEDUA, DEWAN RAKYAT

PENGGAL KEEMPAT, PARLIMEN KETIGA BELAS

MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB DATUK MOHD IDRIS BIN JUSI
[BATU BAHAT]**

TARIKH : 16 MEI 2016 (ISNIN)

SOALAN :

Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan usaha yang telah dibuat oleh Kementerian untuk mewujudkan lebih ramai usahawan sosial yang membantu golongan orang kurang upaya (OKU).

JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) amat komited dalam memperkasa golongan orang kurang upaya (OKU) agar mereka dapat terlibat secara berkesan dalam segenap aspek kehidupan masyarakat. Komitmen ini adalah selaras dengan Dasar Orang OKU yang menyatakan tentang kesaksamaan hak dan peluang kepada OKU bagi penyertaan penuh dalam masyarakat.

Di bawah KPWKM, pendekatan inovasi sosial digunakan sepenuhnya bagi mencetuskan beberapa pembaharuan dan penambahbaikan dalam sistem penyampaian Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) seperti *social enterprise*. JKM mengamalkan kebajikan produktif sebagai satu pendekatan supaya kumpulan sasaran dapat berdikari dengan membekalkan kemahiran untuk terlibat dalam aktiviti ekonomi. Antara program dalam menggalakkan lebih ramai usahawan sosial yang membantu golongan

orang kurang upaya (OKU) adalah melalui **Bengkel Daya dan geran pelancaran**.

Bengkel Daya merupakan bengkel terlindung di bawah JKM yang dikhaskan untuk golongan OKU yang tidak berdaya untuk bersaing bagi mendapatkan pekerjaan dalam pasaran terbuka. Terdapat dua Bengkel Daya di bawah JKM iaitu **Bengkel Daya Sungai Petani dan Bengkel Daya Klang**. Di Bengkel Daya, golongan OKU dilatih untuk menghasilkan produk dan perkhidmatan seperti bakeri, jahitan, melukis dan mewarna batik.

Selain itu, KPWKM juga menyediakan geran pelancaran sebanyak RM2,700 bertujuan untuk menggalakkan kumpulan sasar termasuk OKU yang mempunyai minat dan potensi supaya menceburi bidang perusahaan atau perniagaan kecil. Dari tahun 2008 hingga Disember 2015, seramai **6,021 orang** telah menerima insentif tersebut dengan peruntukan sebanyak **RM17.09 juta**.

Kementerian Sumber Manusia juga ada menyediakan **Skim Bantuan Galakan Perniagaan bagi OKU (SBGP-OKU)** iaitu satu program untuk

"membantu usahawan OKU mengembangkan perniagaan kepada skala yang lebih besar dan seterusnya memberi peluang pekerjaan kepada OKU yang lain". Jumlah geran yang diberikan adalah sehingga maksimum RM100,000 tertakluk kepada syarat yang telah ditetapkan. Sejak diperkenalkan pada tahun 2007 hingga Disember 2015, seramai **890 orang** usahawan OKU telah menerima manfaat daripada skim ini yang melibatkan peruntukan sebanyak **RM26 juta**. Skim ini juga telah berjaya melaksanakan penempatan pekerjaan kepada 865 OKU.